

‘Atasi segera isu parkir di Pasar Raja Bot’

Proses naik taraf perlu diteliti semula permudah peniaga guna kompleks baharu

Oleh **Latifah Arifin**
latifah@bh.com.my

Kuala Lumpur: Projek naik taraf Pasar Raja Bot atau lebih dikenali sebagai Pasar Chow Kit perlu diteliti semula bagi mengelak pasar berkenaan ‘mati’ disebabkan pelbagai isu, khususnya ketiadaan parkir yang mencukupi. Keadaan itu menyebabkan ramai peniaga enggan berpindah ke bangunan baharu, Kompleks Pasar Raja Bot.

Ahli Parlimen Titiwangsa, Datuk Seri Johani Abdul Ghani, berkata sepatutnya kemudahan penting seperti parkir kenderaan dibangunkan terlebih dahulu sebelum projek pembinaan pasar diteruskan.

“Saya sarankan susun balik fasa (projek naik taraf) ini. (Di-

fahamkan) pembinaan parkir diletakkan di fasa terakhir iaitu yang keempat.

“Jika (dibuat begini), akhirnya pasar siap tetapi parkir tidak ada, jadi siapa yang akan datang ke pasar? Ada peniaga merungut, jualan sehari hanya RM10, RM20, bagaimana nak bertahan,” katanya ketika melawat Pasar Raja Bot, di sini, semalam.

Turut hadir, Presiden Persatuan Peniaga Bumiputera Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Rosli Sulaiman dan Ketua Cawangan Persatuan Peniaga dan Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan Cawangan Jalan Raja Bot, Sharin Darus.

Projek pembangunan Pasar Raja Bot dilaksanakan dalam empat fasa dengan fasa satu membabitkan ruang niaga bagi peniaga buah-buahan dan sayuran siap sepenuhnya 25 April 2016.

Pada Mac 2023, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Datuk Seri Azalina Othman Said, melalui jawapan bertulis di Parlimen, memberitahu baki tiga lagi fasa iaitu kedua membabitkan peniaga barangan basah dan makanan, fasa tiga bagi peniaga pelbagai jenis ma-



Johari pada sesi dialog bersama peniaga ketika meninjau Kompleks Pasar Raja Bot, semalam.

(Foto Mohamad Shahril Badri Saali/BH)

kanan dan fasa empat bagi ruang parkir dijangka siap sepenuhnya pada 12 Oktober 2025.

Johari yang juga Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi berkata, survival peniaga di situ yang berdepan kesukaran untuk meneruskan perniagaan perlu diberi perhatian.

Projek lebih 10 tahun

“Saya tidak boleh salahkan persatuan peniaga kerana mereka sudah lama berniaga, malah bersetuju untuk dilaksanakan pembangunan di sini.

“Namun, disebabkan pembangunan ambil masa terlalu lama, lebih 10 tahun, maka ramai pelanggan lari.

“Ini bukan salah mereka. (Sebagai contoh) Kompleks Pasar Raja Bot (yang baharu) ada empat tingkat, tetapi siapa yang nak datang sebab parkir tak cukup.

“Sebab itu perlu untuk bangunkan parkir di kawasan ini terlebih dahulu, sementara kawasan

pasar (yang dibangunkan untuk menjadi tapak parkir) ini siap, kita perlu bincang untuk pindahkan sementara peniaga terbahit,” katanya.

Memperincikan cadangannya itu, Johari meminta tiga pasukan peniaga di kawasan terbabit bersetakat dan menyediakan beberapa petugas Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) mengawal lalu lintas bertujuan menangani kesesakan di beberapa lorong berdekatan pasar itu.

Bagi mempercepatkan cadangan pembinaan parkir di situ, beliau berkata, satu pertemuan diatur Jumaat depan membabitkan beberapa pihak berkaitan termasuk Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dan kontraktor dilantik.

Rosli pula berkata, pihaknya mahu DBKL bertindak lebih agresif menyelesaikan pelbagai isu membangkit khususnya berkaitan penguatkuasaan dan penaiktarafan pasar itu.

Beliau berkata, langkah wajar perlu diambil bagi memastikan pasar berusia 66 tahun itu terus hidup dan jadi pilihan ramai.

Katanya, antara perkara utama yang perlu dilaksanakan segera adalah mempercepatkan projek pembangunan semula kawasan itu yang dimulakan sejak 2013.

“Saya terbabit dalam pembangunan semula Pasar Raja Bot sejak awal perancangannya.

“Dulu, sekitar 1,200 peniaga saja di sini, tetapi jumlahnya kini bertambah lebih 2,000 orang.

“Maknanya, jumlah terus meningkat, tetapi projek pembangunan semula ini lewat siap menyebabkan lebih banyak kesukaran timbul.

“Kita mahu semua peniaga di kawasan ini termasuk di Jalan Raja Bot dan Jalan Raja Alang pindah ke dalam Kompleks Pasar Raja Bot yang sudah siap sepenuhnya, jika tidak apa guna pembangunan (Chow Kit), jika tak digunakan,” katanya.